

Prinsip Keadilan Sosial Multietnik dalam Hadis Nabawi



Malaysia sebagai sebuah negara multietnik yang berbilang bangsa, agama dan kepartian memerlukan pendekatan yang signifikan dan relevan untuk membentuk kestabilan sosial. Dengan mengutamakan keadilan sosial yang inklusif dan prinsip saling menghormati, perpaduan dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat. Pendekatan ini menggalakkan kesamarataan serta menyemarakkan semangat kebersamaan yang menyumbang kepada kestabilan dan keamanan negara.

Multietnik boleh dirujuk sebagai frasa “masyarakat majmuk” yang menggambarkan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai komuniti kaum atau etnik bersama-sama sebagai satu komuniti dalam satu pentadbiran negara yang hidup secara harmoni dengan mengekalkan identiti budaya unik mereka.

Keadilan Sosial dalam Sunah Nabawi

Untuk mencapai prinsip keadilan sosial, elemen penting yang digunakan bagi membentuk kehidupan manusia adalah dengan mewujudkan keseimbangan, kestabilan, keharmonian dan keamanan masyarakat berbilang kaum melalui pelaksanaan prinsip keadilan. Faktor ini diperlukan bagi menjawab persoalan berkenaan dengan

keadilan yang merangkumi hubungan antara kaum, isu budaya dan bahasa serta isu ekonomi.

Matlamat keadilan adalah untuk mewujudkan keamanan di sesebuah negara. Andaian negatif dan salah faham yang menyelubungi Islam sebagai agama yang dikaitkan dengan pelbagai konflik dan permusuhan perlu dielakkan. Inti pati keamanan terletak pada kesedaran melakukan keadilan bertepatan dengan anjuran Islam untuk mengadakan resolusi pendamaian dan menggalakkan penjanjian damai antara negara bagi menjamin keselamatan sejagat. Oleh itu, pembangunan model keadilan sosial masyarakat majmuk berdasarkan maqasid sunah perlu dilakukan untuk mengawal selia isu keadilan sosial.

Omar Suleiman dalam bukunya yang berjudul *40 on Justice: The Prophetic Voice on Social Reform* mengumpulkan 40 hadis tentang keadilan. Kompilasi hadis tersebut membincangkan tentang pelbagai subjek termasuklah perkauman, penindasan, diskriminasi, hak pelbagai pihak termasuklah jiran, majikan dan pekerja, pilih kasih, pelarian, kesaksamaan jantina, kecacatan, serta penyakit mental dan alam sekitar. Karya ini berguna untuk menggambarkan strategi kenabian dalam usaha menangani ketidakadilan masyarakat pada zaman itu. Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW merupakan manifestasi keadilan yang diperintahkan oleh Allah SWT seperti yang dituntut oleh prinsip al-Quran.

Keadilan sosial dalam Islam merangkumi prinsip seperti kebebasan dan kesaksamaan. Hal ini meliputi semua elemen kewujudan manusia, termasuklah ekonomi yang bertujuan untuk memupuk pembangunan masyarakat yang berjaya. Peranan keadilan sosial dalam Islam dilihat relevan untuk mewujudkan masyarakat majmuk. Kewujudan peraturan untuk mengekalkan keadilan sosial dalam masyarakat majmuk bergantung pada ketetapan Allah SWT yang diperkukuh oleh al-Quran dan sunah. Sokongan yang diarahkan oleh al-Quran dan sunah penting dalam penubuhan masyarakat majmuk berasaskan keadilan sosial.

Isu keadilan sosial perlu diimplementasikan dengan elemen yang membantu pembentukan masyarakat. Penerapan elemen ini merungkaikan permasalahan dan membangunkan satu teori yang menjamin kehidupan dalam negara. Cabaran mengurus kemajmukan sosial kerana ingin mewujudkan keharmonian, keamanan serta interaksi positif antara

kaum memerlukan kerangka keadilan dan sikap toleransi antara masyarakat.

Keagamaan

Islam sebagaimana yang ditekankan dalam kitab *Sahih al-Bukhari* mempromosikan prinsip kesaksamaan dalam kalangan orang beriman. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud, "Tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang bukan Arab, dan tidak ada kelebihan bagi orang bukan Arab atas orang Arab, tidak juga bagi orang putih atas orang hitam, atau orang hitam atas orang putih, kecuali dengan ketakwaan." (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 137).

Islam mengamalkan nilai sejagat dalam kehidupan manusia seperti sikap tolak ansur atau toleransi terhadap manusia dalam pelbagai situasi dan keadaan, serta berusaha untuk menentang kezaliman dan penindasan dalam agama. Hal ini dikatakan demikian kerana toleransi sering mengelirukan masyarakat sehingga menimbulkan persoalan tunduk kepada sikap tolak ansur. Perdebatan tentang sikap toleransi diperhalus dengan kefahaman dan persepsi masyarakat dalam kehidupan sebagaimana yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW

berdasarkan prinsip sejagat dalam hadis daripada Abdullah bin Abbas, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Agama Allah yang paling disukai ialah lurus dan bertolak ansur." (Hadis riwayat al-Bukhari).

Keadilan

Konsep keadilan merupakan prinsip asas dalam Islam. Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "'Tolonglah saudaramu ketika dia berbuat zalim atau dizalimi.' Seorang lelaki bertanya, 'Wahai Rasulullah, aku dapat menolong jika memang dia dizalimi, namun bagaimana pendapatmu jika


dia pelaku kezaliman, bagaimanakah cara aku menolongnya?’ Baginda menjawab, ‘Hendaklah engkau mencegahnya atau engkau larang dia daripada kezaliman itu. Demikianlah cara menolongnya.’” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 123).

Keadilan sosial juga mempengaruhi kewangan Islam kerana kewangan Islam dibangunkan dengan mematuhi prinsip syariah, iaitu keadilan sosioekonomi, kesaksamaan dan kemakmuran kolektif. Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Barang siapa yang mempunyai (melakukan) kezaliman terhadap saudaranya, hendaklah dia membebaskan dirinya daripada kezaliman tersebut (meminta maaf) kerana sesungguhnya (pada hari kiamat) dinar dan dirham tidak akan memberikan manfaat sedikit pun, sebelum amalan kebajikan diambil untuk saudaranya (bagi menebus kezaliman yang dilakukan). Jika dia tidak mempunyai kebaikan lagi, maka akan diambil kejahatan yang dimiliki oleh saudaranya dan dilemparkan ke atasnya.” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 6534).

Keamanan dan Keharmonian

Matlamat keadilan juga merangkumi usaha merealisasikan keamanan di sesebuah negara. Satu daripada usaha untuk mencapai keamanan adalah melalui keadilan sosial kerana masyarakat membentuk satu identiti komuniti melalui keamanan. Hal ini menunjukkan bahawa memahami hubungan setiap kaum akan meningkatkan prinsip keamanan.

Sebagai contoh, memberikan pertolongan kepada orang yang berada dalam sebarang kecemasan atau masalah tanpa mengira kaum dan warna kulit. Kesefahaman dan hubungan antara kaum akan meningkatkan keamanan dalam hubungan kemasyarakatan. Hal ini bertepatan dengan sabda



Sahih al-Bukhari memberikan panduan yang bernilai tentang prinsip keadilan sosial dalam masyarakat.



Satu daripada konsep keadilan dalam Islam ialah menggalakkan pengagihan sumber ekonomi secara adil dan saksama.

Rasulullah SAW yang bermaksud, “Perumpamaan orang mukmin dalam hubungan mereka, sayang-menayangi dan tolong-menolong antara mereka umpama satu tubuh. Jika satu daripada anggota mengeluh, maka sekujur tubuh akan mengeluh tidak dapat tidur dan demam.” (Hadis riwayat Muslim).

Kestabilan

Jaminan keamanan dan keharmonian dalam kehidupan masyarakat bergantung pada kestabilan politik. Politik yang tidak seimbang boleh menyebabkan pelbagai masalah dalam negara seperti perpecahan, rusuhan dan peperangan. Oleh itu, pelbagai pihak perlu menjaga kestabilan politik. Hal ini merujuk gagasan yang dibina oleh Rasulullah SAW di Madinah untuk masyarakat majmuk dengan mewujudkan kerjasama antara semua pihak, kaum dan agama. Konsep kerjasama tersebut adalah berdasarkan kebaikan dengan syarat menghormati Islam sebagai agama kerjasama persekutuan dan hak masyarakat majmuk lain dengan mengekalkan perjanjian perpaduan dan kesepakatan kerjasama.

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amr bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Barang siapa yang membunuh orang (kafir) yang telah mengikat perjanjian (dengan pemerintahan Muslim), maka dia tidak akan mencium harum syurga, kerana sesungguhnya harum syurga dapat dicitum dari jarak 40 tahun perjalanan.” (Hadis riwayat al-Bukhari).



Prinsip Keadilan dalam Hadis Nabawi


Yang berikut merupakan beberapa contoh prinsip keadilan dalam hadis nabawi:

- 1 Rasulullah SAW menekankan keadilan dalam pelbagai aspek dengan menegaskan bahawa penindas keadilan akan menghadapi azab pada hari kebangkitan.
- 2 Islam mengajarkan konsep keadilan dan kesaksamaan kepada semua individu tanpa mengira kaum, agama atau status sosial dalam kehidupan. Manusia merupakan ciptaan Allah SWT yang tidak ada perbezaan antara satu dengan lain. Prinsip ini tercermin dalam hadis nabawi yang menekankan kepentingan melayan semua orang dengan adil dan hormat.
- 3 Terdapat hadis yang mengetengahkan hak individu yang lemah seperti orang miskin, orang tua dan orang kurang upaya. Hadis ini mengajar kita agar menjadi individu yang bertanggungjawab kepada masyarakat untuk melindungi, membantu dan menjaga mereka.
- 4 Islam menekankan prinsip keadilan melalui hadis menjaga kejujuran, integriti dan tanggungjawab dalam masyarakat.
- 5 Islam menggalakkan individu dan masyarakat bertanggungjawab untuk berusaha membentuk sikap menjaga keamanan serta mengelakkan konflik dan persaingan dalam hidup.

Penerokaan hadis dalam *Sahih al-Bukhari* menjelaskan bahawa kompilasi hadis ini memberikan pandangan yang bernilai dan berharga dalam pengkajian prinsip keadilan sosial multietnik. Prinsip ini menyerlahkan kepentingan kesaksamaan, keadilan dan keterangkuman dalam masyarakat. Satu daripada ajaran utama dalam *Sahih al-Bukhari* menekankan kesaksamaan terhadap semua individu. Prinsip ini menggalakkan setiap orang menghargai dan menghormati, serta dihargai dan dihormati tanpa mengira latar belakang kaum atau budaya mereka. Hal ini menekankan kepentingan berlaku adil, aman dan harmoni.

Tambahan pula, kitab *Sahih al-Bukhari* menggalakkan penolakan diskriminasi dan prasangka berdasarkan etnik. Hal ini menyerlahkan keperluan untuk menentang sebarang bentuk perkauman, ketaasuban atau berat sebelah dengan menggalakkan usaha memahami masyarakat, bertoleransi dan penerimaan dalam aspek tertentu. Hadis ini bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang menghargai kepelbagaian masyarakat dan budaya.

Satu lagi aspek keadilan sosial berbilang etnik yang ditekankan dalam *Sahih al-Bukhari* ialah konsep keadilan ekonomi. Hal ini menggalakkan pengagihan kekayaan dan sumber secara adil dan saksama, memastikan individu daripada semua latar belakang etnik mempunyai peluang yang sama untuk mengecap kemakmuran.

Kesimpulannya, *Sahih al-Bukhari* memberikan panduan bernilai tentang prinsip keadilan sosial berbilang etnik. Dengan menggalakkan kesaksamaan, keadilan dan keterangkuman, hal tersebut menyokong masyarakat yang menghormati dan menghargai individu tanpa mengira latar belakang kehidupan mereka. Ajaran ini berfungsi sebagai peringatan kepada kita untuk berusaha secara aktif ke arah mewujudkan dunia yang lebih adil dan inklusif. Artikel ini merupakan analisis yang dilakukan dalam kitab *Sahih al-Bukhari*, iaitu satu daripada koleksi hadis yang paling penting dalam Islam, untuk mengenal pasti prinsip keadilan sosial yang melibatkan multietnik. Hal ini memberikan tumpuan terhadap nilai dan prinsip yang ditetapkan berkaitan dengan keadilan, kesaksamaan dan hubungan antara etnik dalam masyarakat. 

Artikel ini menggunakan dana di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2023/SSI13/UKM/02/2) daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.